KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

JAWATANKUASA *HIGH-LEVEL COMMITTEE* PEMBANGUNAN DESA BILANGAN 2 TAHUN 2025

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus memperkukuh agenda pembangunan luar bandar melalui penganjuran **Mesyuarat High-Level Committee (HLC) Pembangunan Desa Bilangan 2 Tahun 2025**, platform tertinggi negara yang menyelaras dasar dan pelaksanaan pembangunan desa secara holistik, bersepadu dan selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Mesyuarat hari ini menggariskan beberapa langkah strategik merentas Kementerian yang akan memacu pembangunan desa ke arah ekosistem lebih moden, inklusif dan berdaya tahan. HLC turut menegaskan keperluan merapatkan jurang pembangunan melalui peningkatan akses pendidikan, peluang ekonomi baharu, pembangunan bakat, penyepaduan digital serta pengukuhan tadbir urus di semua wilayah.

Selaras dengan komitmen meningkatkan keupayaan pendidikan awal luar bandar, HLC turut dimaklumkan tentang usaha **penyelarasan semula pendidikan awal di kawasan FELDA melalui penutupan berperingkat 224 Pusat Literasi Keluarga (PLK) dan penyerapan lebih 3,200 pelajar ke kemudahan KEMAS yang mempunyai kurikulum standard serta tenaga pengajar bertauliah. KEMAS juga akan memperluas Tadika Tunas Istimewa di Kawasan FELDA bagi kanak-kanak autisme,** sebagai langkah memastikan pendidikan inklusif dapat dinikmati di seluruh penduduk desa.

Dari segi pembangunan bakat, **HLC bersetuju melaksanakan Program Pembangunan Belia Luar Bandar oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** sebagai platform penyelarasan menyeluruh yang menyatukan program kepimpinan,

kesihatan mental, sukan dan latihan sukarelawan. Melalui pendekatan ini, semua program belia akan dikoordinasikan dari segi lokasi, fasiliti dan pelaksanaan, dengan memanfaatkan aset kementerian serta agensi di kawasan luar bandar.

HLC menyokong kerjasama strategik KKDW–FELDA untuk memperluas latihan keusahawanan, pensijilan produk, pemasaran digital serta memanfaatkan aset FELDA terbiar sebagai pusat latihan kemahiran, memberi manfaat kepada lebih 112,000 peneroka. Mesyuarat juga bersetuju memperluas penyertaan usahawan FELDA dalam program arus perdana seperti Rural Business Challenge, Gate-to-Global, MIHAS dan Geran Sejati Madani, termasuk menjadikan aset FELDA yang tidak beroperasi sebagai pusat TVET bagi belia dan generasi baharu.

Bergerak seiring agenda pendigitalan negara, HLC turut memandatkan pembangunan **Papan Pemuka Data Pembangunan Desa Nasional**. *Dashboard* ini akan menjadi instrumen tadbir urus utama bagi mengenal pasti jurang liputan perkhidmatan, mengurangkan pertindihan fungsi, serta memastikan keputusan dasar dibuat secara tepat berasaskan data masa nyata.

Langkah-langkah yang dipersetujui ini mengukuhkan empat fokus utama HLC untuk menjadikan desa sebagai pusat kerjaya, memacu gelombang tekno-usahawan, memperkasa agensi wilayah, dan mengangkat pelancongan desa sebagai pemangkin ekonomi, sekali gus mempercepat usaha merapatkan jurang pembangunan serta meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar secara mampan.

AHMAD ZAHID HAMIDI.
Timbalan Perdana Menteri dan
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

18 November 2025